



BULETIN JAKIM

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JAKIM SEMBAH MENGHADAP SULTAN SELANGOR



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

MEMBONGKAR KONSEP SATU MALAYSIA



Konsep Satu Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah disambut baik oleh pelbagai pihak. Jakim tidak ketinggalan memberi respons yang baik terhadap konsep ini. Lantaran itu, satu persidangan meja bulat "Satu Malaysia" anjuran Jakim dengan kerjasama Institut Islam Hadhari (UKM) dan Yayasan Islam Hadhari telah diadakan pada 5 Mei 2009 di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Persidangan yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom ini bertujuan untuk mendapatkan kata sepakat yang jelas tentang konsep tersebut di kalangan cendekiawan Islam.

Dato' Jamil Khir dalam ucapamannya menyatakan perancangan yang bijak perlu dibuat sebelum isu ini

dipolemikkan oleh pihak yang berkepentingan. "Kita menyediakan konsep, falsafah dan hala tuju konsep Satu Malaysia berdasarkan prinsip ketamadunan Islam secara bertulis untuk memandu kepimpinan tertinggi negara," kata beliau. Hasil daripada resolusi persidangan meja bulat ini akan disusun dalam bentuk buku kecil untuk disebarikan kepada masyarakat.

Sebanyak lima kertas kerja sempat dibentangkan iaitu:

1. Konsep Satu Malaysia: Kedudukan Perlembagaan, Institusi Raja-raja Melayu dan Keistimewaan Orang Melayu oleh Dato' Faiza Thamby Chik.
2. Konsep Satu Malaysia: Satu Tinjauan dari Aspek Agama oleh Ustaz (Dr.) Uthman El-Muhammady.
3. Konsep Satu Malaysia: Satu Tinjauan Pendidikan dan Penyatuan Ummah oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman
4. Konsep Satu Malaysia: Ke Arah Pendidikan Transformatif oleh Prof. Dr. Sidek Baba
5. Konsep Satu Malaysia: Satu Tinjauan Aspek Ekonomi Tuan Haji Nik Mustapha Nik Hassan

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, dan Penasihat Agama Perdana Menteri, Dato' Dr. Abdullah Md Zin.

SERAH TERIMA TUGAS MENTERI DI JPM



tanda penghargaan terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.

Turut serta menyaksikan majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, ketua-ketua dan pegawai-pegawai kanan agensi di bawah Menteri di JPM.

Dalam ucapan serah tugasnya, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid berharap agensi-agensi agama mengekalkan kecemerlangan dan prestasi yang telah ditunjukkan dan meneruskan usaha yang telah dilaksanakan sebelum ini. Beliau turut berharap supaya semua agenda dan program yang telah dirancang untuk kebaikan umat Islam diteruskan dan perlu disegerakan.

Dalam ucapan terima tugas, Dato' Jamil Khir pula menyatakan, keutamaan akan diberikan kepada program-program yang telah dirancang dan beliau akan meneruskan agenda dan wawasan yang telah ditinggalkan oleh mantan Menteri di JPM. Beliau berharap supaya semua agensi agama memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi demi memartabatkan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.

Majlis Serah Terima Tugas Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 14 April 2007 di Dewan Syura Jakim. Majlis anjuran Jakim ini merupakan majlis penyerahan tugas secara rasmi oleh mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi kepada Menteri di JPM yang baru, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom. Ia juga sebagai

EKSPEDISI KASIH TEMUI SINAR SYAHADAH DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

Pada 25 dan 26 April 2009 yang lalu, Bahagian Dakwah Jakim telah menganjurkan program Ekspedisi Kasih ke Perkampungan Orang Asli di Pos Raya Simpang Pulai, Perak serta Pos Hendrop dan Tuel di Gua Musang, Kelantan.

Konvoi ini telah diketuai oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz. Ia turut disertai oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pengurusan Jakim. Seramai 69 orang peserta telah bertolak menaiki 20 buah kenderaan pacuan empat roda dari Ibu Pejabat Jakim, Putrajaya, manakala sebahagian yang lain menaiki bas.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Jawi), Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Perak dan Kelantan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat), Bahagian Agama dan Kaunseling (Baka) Polis Diraja Malaysia, Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Hospital Pusrawi dan Angkatan Relawan Rakyat (Rela).



Turut menyertai ekspedisi ini adalah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Islamic Outreach ABIM dan Yayasan Taqwa, MAIWP yang turut menyumbang barangan, set peralatan sekolah dan wang saguhati kepada penduduk kampung yang diziarahi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom telah menyempurnakan majlis perasmian dan penyerahan sumbangan kepada penduduk Kampung Orang Asli Pos Raya, Simpang Pulai Perak, manakala perasmian dan penyerahan sumbangan di Pos Tuel dan Hendrop, Gua Musang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jakim.

Pos Hendrop, Gua Musang Kelantan menyaksikan kejutan kepada peserta ekspedisi apabila seramai 45 orang masyarakat Orang Asli menyatakan keislaman masing-masing secara beramai-ramai di hadapan Ketua Pengarah Jakim yang kemudiannya menjadi saksi dan menyempurnakan majlis syahadah tersebut.

Sebelum upacara syahadah di Pos Hendrop tersebut, seramai tujuh orang telah memeluk Islam, iaitu masing-masing empat orang di Pos Raya, Simpang Pulai, Perak dan tiga orang lagi di Pos Tuel, Gua Musang, Kelantan. Ini menjadikan keseluruhan penduduk Orang Asli yang memeluk Islam sepanjang dua hari ekspedisi seramai 76 orang termasuk 24 kanak-kanak.

Ternyata konvoi 'Ekspedisi Kasih' ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada penduduk kampung. Keramahan dan kemesraan masyarakat Orang Asli menyambut kedatangan konvoi sepanjang program ini diadakan menggambarkan mereka amat mengalu-alukan kedatangan ekspedisi ini.



MENTERI SARAN HUKUMAN SEBAT PERLU DIBERI PERHATIAN



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom menyarankan hukuman lebih berat termasuk sebat terhadap pesalah syariah perlu diberi perhatian sewajarnya bagi membendung peningkatan kesalahan jenayah syariah di negara ini.

Tambah beliau, bagi memastikan pelaksanaan hukuman sebat dilaksanakan seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang di negara ini, beberapa langkah perlu diambil iaitu, satu kajian terperinci perlu dibuat oleh pakar-pakar dalam bidang perundangan syariah dan sivil bagi memastikan pelaksanaan hukuman sebat dapat dijalankan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Hukuman Sebat Jenayah Syariah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 23 April 2009.

Hadir sama dalam majlis perasmian tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz.

Seminar sehari tersebut dihadiri oleh seramai 90 orang dari pelbagai pihak dan agensi termasuk Hakim-Hakim Rayuan Syariah, Ketua-Ketua Hakim Syarie, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri, Ketua-Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua-Ketua Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan wakil dari universiti-universiti tempatan.

Seminar ini bertujuan bagi membincangkan isu dan masalah pelaksanaan hukuman sebat bagi kesalahan syariah di negara ini. Empat kertas kerja telah dibentangkan, iaitu berkaitan dengan pelaksanaan, cabaran, penyelesaian dan peranan institusi penjara dalam pelaksanaan hukuman sebat. Demonstrasi hukuman sebat turut diadakan oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi memberi pendedahan kepada semua peserta seminar mengenai cara sebatan sivil dan cara sebatan syarak. Hasil daripada seminar ini akan dibawa ke perhatian Menteri di JPM dan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak/Sivil untuk tindakan selanjutnya.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBELIAN TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN

Majlis Menandatangani perjanjian pembelian manuskrip Tafsir Pedoman Muttaqin antara Jakim dengan penulisnya, Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor pada 21 April 2009 telah diadakan di Hotel Legend, Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh para mufti dan ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan.

Mewakili pihak kerajaan dalam memeterai perjanjian itu ialah Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha sebagai saksi, manakala bagi pihak penulis diwakili oleh penulis sendiri iaitu, Dr. Abdul Hayei dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jakim, Encik Mohd Noor Abd Hamid, sebagai saksi.

Perjanjian yang bersejarah ini turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom, timbalan beliau, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Husin.



JKF BERTEMU MENTERI



Pada 21 April 2009, Jawatankuasa Fatwa (JKF) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah mengadakan pertemuan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom. Pertemuan yang julung kali diadakan selepas dilantik sebagai menteri ini diadakan di The Legend Hotel, Kuala Lumpur bersempena dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-86 yang bermula pada 21 hingga 23 April 2009.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim. Dalam perutusannya, Dato' Jamil Khir telah menyatakan, walaupun beliau telah diamanahkan sebagai menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama di negara ini, tetapi ini tidak bererti beliau lebih alim dan arif dalam bidang agama. "Saya amat memerlukan tunjuk ajar dan panduan daripada alim ulama khususnya ahli JKF yang berautoriti dalam bidang hukum hakam," kata beliau.

Sementara itu, Pengerusi JKF, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, dalam ucapan aluannya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi atas usaha dan kegigihan yang telah dicurahkan dalam membangun dan memartabatkan syiar Islam sepanjang berkhidmat sebagai Menteri di JPM. Menurut Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor lagi, ahli JKF yakin Dato' Jamil Khir mampu membawa pembaharuan dalam meneruskan kesinambungan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam yang telah dilaksanakan di bawah kepimpinan terdahulu.

BERITA BERGAMBAR

Bengkel Kemas Kini Modul
Pengajaran Diploma
Pengurusan Islam (DPI) di
Hotel Renaissance, Kota
Bharu, Kelantan.
(20 hingga 22 April 2009)



Muzakarah Guru-guru Agama
Negeri Sabah di Hotel Tang
Dynasty Park, Kota Kinabalu,
Sabah. (7 hingga 9 April 2009)



Program Dakwah Bil Hal Warga Tua
Disayangi di Rumah Seri Kenangan
Gheng, Melaka. (30 April 2009)

Bengkel Penulisan Buku
40 Tahun Jakim di Puteri
Resort, Ayer Keroh, Melaka.
(10 hingga 12 April 2009)

Bengkel Standard Penarafan Masjid
Malaysia di Hotel Quality, Shah Alam.
(4 hingga 6 Mei 2009)



Seminar Pengukuhan
Sahsiah Kakitangan Hospital
2009 di Hospital Serdang,
Selangor.
(20 April 2009)



Bengkel Penulisan Tafsir
Kalamullah 2009 di Tiara
Beach Resort, Port Dickson.
(24 hingga 26 April 2009)



Program Pengukuhan
Integriti Perkhidmatan Awam
(PIPA) di Dewan Seminar
Wisma Sumber Alam, Petra
Jaya, Kuching.
(29 April 2009)



Dakwah Bil Hal kepada anak
yatim di Lembaga Pengurusan
Kebajikan Anak Yatim dan Miskin
(Payasum) Melaka. (18 April 2009)



Gerai Buku Jakim semasa
Pesta Buku Antarabangsa
2009 di PWTC
Kuala Lumpur.
(17 hingga 26 April 2009)



Kursus Asas Akidah dan Kecemerlangan Diri untuk pelajar Sekolah Rendah Daerah Seremban di PPA Jelebu (13 hingga 15 April 2009) ---->

Ceramah Pengurusan Kewangan dalam Islam Bagaimana Menjana Pengurusan Berhemah di Dewan Syura Jakim (8 Mei 2009)



Bengkel Pembukuan Fatwa di Hotel Quality, Shah Alam. (5 hingga 7 April 2009)

Kursus Praperkahwinan bagi pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Melbourne, Australia. (2 dan 3 Mei 2009) <----



Bengkel Pemurnian Standard Kualiti Pengurusan Pusat Akademik dan Pusat Latihan Jakim (SKPPAL) di Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching. (17-19 April 2009) ---->

Kursus Pemantapan Akidah dan Integriti Penjawat Awam di PPA Jelebu. (27 hingga 29 April 2009)



Kursus Effective Oral Communication In English Siri 3 di Masjid Negara. (13 hingga 21 April 2009)

Lawatan ke Simulator Mas Subang (29 April 2009) <----

Lawatan Kajian ke Pusat Pemeriksaan Kastam Rantau Panjang (25 hingga 27 Mac 2009)



Kursus P&P Guru KAFA Sabah di Imperial International Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. (27 hingga 30 April 2009) ---->



PERSIDANGAN PENYELARASAN UNDANG-UNDANG SYARAK/ SIVIL KALI KE-19



mempertimbangkan untuk menerima pakai model undang-undang yang telah digubal oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak/Sivil.

Persidangan setahun sekali ini diadakan bagi mendapatkan pandangan negeri-negeri ke arah memperkemas dan memantapkan undang-undang Islam di Malaysia dan juga bagi mendapatkan kata sepakat ke arah penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam di Malaysia serta untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri dalam hal ehwal perundangan Islam khususnya.

Antara perkara yang telah dibincangkan dalam persidangan kali ini ialah rang undang-undang kesalahan jenayah syariah, kaedah-kaedah mualaf, isu-isu dalam penyelarasan dan penyeragaman fatwa dan isu-isu mengenai undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam.

Dalam persidangan kali ini ahli-ahli persidangan telah bersetuju supaya penguatkuasaan Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada orang Islam dilaksanakan dengan mengambil langkah yang lebih mantap dan berkesan melalui penerangan dan penjelasan kepada semua pihak penguatkuasa. Ahli persidangan turut mencadangkan satu akta yang khusus berkaitan dengan mufti dan fatwa perlu diwujudkan bagi memantapkan institusi fatwa di Malaysia di samping menyalurkan dan menyebarkan fatwa di Malaysia.

Majlis Perasmian Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak/Sivil Kali Ke-19 telah diadakan pada 27 April 2009 di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha, Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan. Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Penasihat Syariah Jabatan Peguam Negara merangkap Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Jakim, Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz.

Tan Sri Mohd Sidek dalam ucapan perasmianya berkata, "Kejayaan sesuatu undang-undang tidak akan tercapai sepenuhnya sekiranya undang-undang tersebut tidak dilaksanakan secara berkesan di seluruh negara." Beliau berharap agar semua negeri dapat

MUZAKARAH JKF KALI KE-86



Sebanyak tujuh kertas kerja telah dibentangkan untuk pertimbangan muzakarah dan dua sesi taklimat daripada pihak Kementerian Pertahanan Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia juga diadakan bagi menjelaskan isu-isu yang dibentangkan.

Semasa ucapan aluannya, Pengerusi JKF, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, merakamkan ucapan tahniah kepada SS Dato' Haji Mohd. Yusof Haji Ahmad yang baru dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Sembilan berkuat kuasa 1 April 2009 dan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Tuan Meor Hashimi Abdul Hamid, bekas ahli JKF, yang kini berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Melaka juga berkuat kuasa pada 1 April 2009 lalu. Beliau juga berharap, JKF akan melakukan anjakan paradigma dari semasa ke semasa dalam memperkukuhkan kedudukan institusi fatwa di negara ini.

Jawatankuasa Fatwa (JKF) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengadakan muzakarahnya bagi kali ke-86 bermula pada 21 hingga 23 April 2009 di The Legend Hotel, Kuala Lumpur. Muzakarah kali ini telah dihadiri oleh 21 orang ahli yang terdiri daripada mufti dan ahli yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

TKPO JAKIM RASMI MAJLIS PENUTUP PROGRAM SIJIL ASAS QIRAAT



Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha serta dihadiri oleh pegawai-pegawai Jakim, pensyarah-pensyarah, kakitangan serta pelajar-pelajar Darul Quran yang terlibat. Majlis diserikan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh tiga orang pelajar Program Sijil Asas Qiraat mengikut bacaan qiraat Imam Qalun, Warsy dan Hamzah.

Tuan Haji Othman dalam ucapannya, menceritakan sejarah qiraat sebelum ia diperkenalkan secara meluas di Malaysia. Ramai di kalangan guru-guru ketika itu yang mahir dalam bacaan al-Quran dengan tajwid yang betul dan secara berlagu tetapi tidak mengetahui adanya bacaan-bacaan lain mengikut sanad yang sah. Apabila diperdengarkan bacaan-bacaan tersebut berdasarkan riwayat-riwayat yang sahih, maka makin berkembanglah ilmu Qiraat tersebut kerana menyedari betapa luasnya ilmu Allah SWT.

Program Sijil Asas Qiraat yang julung kalinya berjalan selama satu bulan di Darul Quran Jakim telah sampai ke penghujungnya. Satu majlis penutup telah diadakan pada 23 April 2009 bertempat di Dewan Auditorium Sheikh Mohd Noor, Darul Quran bermula pada pukul 9.00 malam.

BENGKEL PENYELARASAN PENGURUSAN FATWA JABATAN MUFTI



Pada 28 hingga 30 April 2009, Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pembangunan Ijtihad telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Pengurusan Fatwa buat pertama kalinya di Hotel Le Paris, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini diadakan dengan menghimpunkan para timbalan mufti dan pegawai fatwa dan istinbat Jabatan Mufti seluruh Malaysia bagi membincangkan isu-isu pengurusan fatwa seterusnya membuat penyelarasan mengenainya. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jakim, En. Mohd Noor Abd Hamid.

BENGKEL PELAN STRATEGIK RANGKA PROGRAM PEMBANGUNAN ISLAM



Bengkel Pelan Strategik Bahagian Penyelidikan Jakim 2010-2014 diadakan pada 17 hingga 19 April 2009 bertempat di Impiana Resort, Cherating, Kuantan, Pahang. Antara objektif bengkel ialah untuk merancang dan merangka Pelan Strategik Bahagian Penyelidikan bagi tempoh lima tahun akan datang di samping menyelaras pelan strategik yang dibangunkan agar selari dengan keperluan jabatan. Hasil daripada bengkel ini akan dibukukan dan menjadi manual rujukan atau *standard operating procedure* (SOP) kepada pegawai dan kakitangan bahagian dalam melaksanakan tugas mereka.

KONVENSYEN FALAK NEGERI SEMBILAN MERIAH

Bahagian Penyelidikan Jakim telah menyertai Konvensyen Falak Peringkat Negeri Sembilan 2009 yang telah diadakan pada 8 hingga 10 Mei 2009 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said, Seremban.

Konvensyen yang bertemakan "Angkasa untuk Diterokai" ini diadakan adalah bagi menarik minat generasi muda dan menambah ilmu pengetahuan berkaitan falak. Majlis telah dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, DYMM Tuanku Muhriz Ibn Al-Marhum Tuanku Munawir. Turut mengiringi baginda ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Hj. Mohamad Hj. Hasan.



MESYUARAT KHAS PKS JAKIM



Mesyuarat Khas Panel Kajian Syariah (PKS) Jakim Bil. 1/2009 telah diadakan pada 15 April 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Penyelidikan Jakim. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang SS Dato' Haji Hassan Haji Ahmad ini diadakan bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang menjadi keperluan segera, iaitu program penyatuan semula keluarga penghuni Jabatan Penjara Malaysia, hukum pembinaan monumen peringatan Angkatan Tentera Malaysia, garis panduan hiburan dalam Islam, dan perbincangan bank kertas PKS tahun 2010 dan 2011.

SIMPENI TERUS DIMANTAPKAN

Jakim dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah berjaya mengadakan Bengkel Pemurnian Sistem Maklumat Pendidikan Islam (Simpenni) bertempat di Hotel Imperial International Kota Kinabalu, Sabah pada 28 hingga 30 April 2009. Bengkel tersebut

telah diurussetiakan oleh Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam dan fasilitatornya terdiri daripada pegawai di Bahagian Perkhidmatan ICT Jakim. Bengkel ini bertujuan untuk mewujudkan satu pangkalan data dan maklumat pengurusan dan pentadbiran KAFA dan Sekolah Agama yang lengkap dan sistematik.



KP JAKIM RAI 203 PELAJAR BARU DQ



Seramai 203 pelajar baru telah mendaftar untuk mengikuti Program Diploma Tahfiz al-Quran, Darul Quran Jakim bagi sesi 2009/12 di kampusnya di Kuala Kubu Bharu, Selangor pada 2 Mei 2009.

Majlis sambutan pelajar baru ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz. Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pelajar yang telah berjaya ditawarkan ke Darul Quran.

Beliau turut memberi pendedahan tentang prospek kerjaya yang menanti para graduan Darul Quran, antaranya mereka boleh melanjutkan pelajaran di beberapa universiti di dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang ilmu. Pada masa ini, terdapat ramai graduan Darul Quran yang bekerja dalam bidang profesional seperti kedoktoran, kejuruteraan, pengurusan dan sebagainya.

JKR SERAH MASJID BANDAR PERMAISURI



Majlis Penyerahan Projek Siap Masjid Bandar Seri Permaisuri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur antara Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan, Jakim dan Jawi telah diadakan pada 14 April 2009. Majlis ini telah dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jakim, En. Mohd Noor Abd Hamid, Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ir. Hj. Adanan Sukri Musa, wakil syarikat kontraktor FNA Builders & Services Sdn. Bhd., pegawai-pegawai Jakim, JKR, Jawi serta ahli kariah masjid tersebut.

Projek pembinaan kompleks masjid ini bermula pada 25 Oktober 2007 iaitu merupakan projek pertama Rancangan Malaysia Ke-9 diserahkan kepada Jakim dan telah siap sepenuhnya pada 17 Mac 2009. Kompleks masjid yang bercirikan 'Modern Malay Contemporary' ini menelan kos belanja hampir RM6.5 juta dan mengandungi satu blok masjid tiga tingkat yang boleh memuatkan 3000 orang jemaah. Masjid ini turut dilengkapi dengan bilik pengurusan jenazah, bilik wuduk berserta kemudahan tandas OKU dan sebuah tandas untuk orang kenamaan.

JAKIM DAN JAIN SELARAS PROGRAM DAKWAH



Satu Mesyuarat Penyelaras Program Dakwah Jakim dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) Bil. 1/2009 telah diadakan di Hotel Quality, Shah Alam pada 27 dan 28 April 2009. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha dan dihadiri oleh pegawai-pegawai Jakim serta wakil dari JAIN.

Antara agenda mesyuarat ini adalah bagi mendapatkan maklum balas minit mesyuarat penyelaras program dakwah Jakim dan JAIN pada tahun lalu, serta pembentangan tiga kertas kerja, iaitu kertas makluman / cadangan pembangunan dan pelaksanaan e-Daie, kertas makluman penubuhan e-Mualaf dan kertas cadangan penubuhan skuad kasih oleh Bahagian Dakwah Jakim.

SABAH BAKAL DAPAT KOMPLEKS PUSAT ISLAM DAN KOMUNITI SAUDARA BARU



Mesyuarat mengenai cadangan penubuhan Kompleks Pusat Islam dan Komuniti Saudara Baru di Sabah telah diadakan pada 9 April 2009 bertempat di ibu pejabat Jakim Cawangan Sabah.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jakim, En. Mohd Nor Abd. Hamid itu diadakan ekoran daripada pernyataan hasrat Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah semasa perasmian Kompleks Pusat Latihan Islam Kundasang pada 22 Februari 2009 yang lalu. Antara lain beliau bercita-cita sebuah Kompleks Islam Sabah dapat dibina di negeri ini sebagai mercu tanda yang akan mengangkat imej dan kejayaan agama Islam di Sabah.

KETUA PENDAFTAR NIKAH, CERAI DAN RUJUK SELURUH MALAYSIA BERSIDANG

Pada 17 hingga 19 April 2009 yang lalu, Bahagian Kesuma Jakim telah menganjurkan Persidangan Ketua Pendaftar, Nikah Cerai dan Rujuk (KPNCR) Seluruh Malaysia Kali Ke-20 bertempat di Hotel Holiday Villa, Alor Setar, Kedah. Persidangan dua kali setahun ini diadakan bagi menghimpunkan seluruh KPNCR seluruh Malaysia untuk membincangkan peraturan, isu-isu berhubung pelaksanaan pengurusan perkahwinan, perceraian dan rujuk umat Islam di Malaysia seterusnya membuat penyelarasan mengenainya.

Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha. Dalam perutusannya, beliau menyarankan semua pihak berganding bahu dan bersatu tenaga dalam menyelesaikan segala permasalahan berkaitan



NCR. Tambah beliau lagi, tanpa kerjasama daripada JAIN, Kagat, Bahagian Agama dan Kaunseling (Baka) Polis DiRaja Malaysia dan jabatan-jabatan yang berkaitan, misi dan visi Jakim tidak akan tercapai dengan jayanya.

PENEMPATAN DAN PERTUKARAN PEGAWAI GUNA SAMA JAKIM MEI 2009

BIL	NAMA PEGAWAI	GRED	DARI	KE	TARIKH KUAT KUASA
1	RAFEDAH BINTI MOHD ZAINI	N11	JPM	ILIM	04.05.2009
2	KAMARUL NIZAM BIN KAMARUDDIN	R3	JPM	ILIM	04.05.2009
3	ASNIMAR BINTI CHE MAT	N1	JPM	P&K	18.05.2009
4	AZIZAH HANIM BINTI IBRAHIM	N1	JPM	MASJID PUTRA	18.05.2009
5	NUR FATIEHAH BINTI ABDUL GHANI	N1	JPM	PERPUSTAKAAN JAKIM	18.05.2009
6	NOOR SALIMAH BINTI ZAINAL @ AHMAD	N1	JPM	MASJID PUTRA	20.05.2009
7	SITI ALIYYA BINTI RUSSLY	M41(K)	BARU	P & K	04.05.2009
8	MARINA BINTI SHARI	N11	ILIM	P&K	04.05.2009
9	NORHAYATI BINTI MEON	N17	MEP	P&K	18.05.2009
10	FAIDZ BIN BORHANUDDIN	N17	P&K	MEP	18.05.2009
11	MOHD NORFARHAN BIN AMIRUDDIN	N17	P&K	MEP	18.05.2009
12	NORZAMILAH BINTI SADALI	N17	MEP	P&K	18.05.2009

**PENEMPATAN DAN PERTUKARAN PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM JAKIM
MEI 2009**

BIL	NAMA PEGAWAI	GRED	DARI	KE	TARIKH KUAT KUASA
1	MOHD MAHYILDDIN BIN ISMAIL	S22	IKBN	DARUL QURAN	18.05.2009
2	WAN ROSIDA BINTI WAN TAIB	S22	BHG PENERBITAN	BHG DAKWAH	18.05.2009
3	TUAN NORHANI BINTI TUAN HAMAT	S22	BHG HADHARI	PDRM	18.05.2009
4	BAHARUDIN BIN OTHMAN	S44	PLD LAHAD DATU, SABAH	PLI KUNDASANG, SABAH	04.05.2009
5	SY. ABDULLAH AL-JUFRI BIN S. MAAMOR @ MAAR	S44	KEM. SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR	PLD LAHAD DATU, SABAH	04.05.2009
6	ZALEHA BINTI EMBONG	S44	HADHARI	ILIM	04.05.2009
7	ZAKUAN BIN SAWAI	S48	AADK	KESUMA	04.05.2009
8	RUSLAN BIN SAID	S48	JAWI	AADK	04.05.2009
9	MOHD ZAIDI BIN RAMLI	S48	KESUMA	JAWI	04.05.2009
10	NORAWI BIN ENDUT	S44	KEM. PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI	KEMENTERIAN KESIHATAN	04.05.2009
11	MOHD ASRI BIN ABDULLAH	S44	KEMENTERIAN KESIHATAN	JPM	04.05.2009
12	MOHD KHAIRUL BIN ZAINAL ABIDIN	S17	PDRM	BHG DAKWAH	04.05.2009
13	MUSZAMIRUL BIN MATTERSAR	S17	BHG DAKWAH	PDRM	04.05.2009
14	ABU BAKAR BIN RAHMAN @ HJ JAAFAR	S17	BHG PENYELIDIKAN	PPUU	18.05.2009
15	ZAINAB BINTI JUNOH	S27	MECD	BHG HADHARI	18.05.2009
16	ABDULLAH BIN MAT	S44	FATWA & IJTihad	ATASE AGAMA MESIR	15.05.2009
17	NAJIBAH BINTI ABD. MUTALIB	S41	PRO	S/U, JPM	04.05.2009
18	TUAN ISMAIL BIN TUAN ABDULLAH	S44	HADHARI	KEM. SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR	04.05.2009
19	ABDUL KARIM BIN ZAKARIA	S41	KEURUSSETIAAN	FATWA & IJTihad	15.05.2009
20	MAHADZIR BIN MD. NOOR	S48	JAWI	KESUMA	18.05.2009

HINDARI RASUAH

Kesalahan rasuah dalam dokumen perolehan Kerajaan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)



Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan.

Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran.

Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyernaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah.

Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).